

22 OCT 1999

Fokus-Jubli Perak BN (Akhir dari dua-bahagian)

PENUBUHAN KERAJAAN CAMPURAN PERKUKUH PERPADUAN RAKYAT

Oleh: Ahmad Fuad Yahya dan Harlina Samson

KUALA LUMPUR: Sejarah kerjasama parti-parti politik Barisan Nasional bermula sejak negara masih di bawah pemerintahan penjajah apabila Umno dan MCA bekerjasama pada pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952.

Pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952 menjadi pencetus kepada kerjasama lebih kukuh antara parti politik yang mewakili tiga kaum utama Malaya (sekarang Malaysia) iaitu Melayu, Cina dan India masing-masing melalui Umno, MCA dan MIC, sehingga membentuk Perikatan.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata, Perikatan pada ketika itu mempopularkan istilah "adik beradik" dan konsep tolong menolong untuk merapatkan perasaan kerjasama di antara ketiga-tiga parti politik itu.

Semangat untuk berpadu terancam sedikit selepas kemerdekaan kerana Perlembagaan Persekutuan memberi hak menubuhkan persatuan dan banyak pihak mengambil peluang menubuhkan parti politik yang berasaskan perkauman, agama dan kebudayaan.

"Maka perpecahan mula nampak kerana ada kebebasan berpolitik. Parti politik lebih mengutamakan perjuangan parti, bukan perjuangan rakyat dan negara dan pemisahan antara satu sama lain baik dari bangsa Melayu, Cina dan India menjadi lebih rumit sedikit," katanya.

Amalan berpolitik berlebihan ini telah menyebabkan tercetusnya peristiwa 13 Mei kerana parti pembangkang yang menang lebih sedikit pada pilihan raya 1969 menunjukkan riak dan cuba melemahkan orang Melayu, katanya.

Satu perkembangan politik yang penting selepas pilihan raya 1969 ialah penubuhan kerajaan campuran melalui inisiatif Tun Abdul Razak di beberapa negeri seperti Perak, Selangor dan Pulau Pinang pada 1969.

Gagasan ini diterima baik bukan sahaja oleh pemimpin parti pembangkang bahkan seluruh rakyat.

"Rakyat berasa yakin bahawa inilah sebuah parti yang boleh mewujudkan kestabilan, menyatupadukan rakyat dan membawa Malaysia ke arah kemajuan dan kemakmuran yang lebih baik."

BN yang pertama kali menghadapi pilihan raya pada 1974, mencapai kemenangan besar apabila meraih 135 dari 154 kerusi yang dipertandingkan, dan ia terus menguasai pada setiap kali pilihan raya.

Acuan politik negara yang berasaskan perkongsian kuasa ini kemudiannya diperkukuhkan dengan mewujudkan rakyat yang bersatu padu, setia dan bertanggungjawab kepada negara menerusi lima prinsip Rukun Negara.

Penyatuan dan perpaduan rakyat terus menjadi agenda pemimpin negara selepas itu Tun Hussein Onn (Perdana Menteri ketiga), dan Dr Mahathir.

Dr Mahathir tidak saja menekankan perpaduan rakyat dan kestabilan politik, malah turut menumpukan pembangunan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi.

Dr Mahathir membawa beberapa gagasan serta falsafah baru negara yang antara lain: Bersih, Cekap dan Amanah; Kepimpinan Melalui Teladan; Pandang Ke Timur; Dasar Penswastaan; Persyarikatan Malaysia; dan yang utama Wawasan 2020, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Jadi parti (BN) bukan sahaja ada ideologinya, matlamat politiknya, malah ada dasar-dasar besar dan matlamat yang hendak dicapai. Ini satu shift (anjakan) yang amat penting dalam usaha mewujudkan Malaysia yang bersatu padu, aman damai dan maju," kata Mohamed.

Beliau berkata kejayaan BN daripada segi parti dan kerajaan pada hari

ini amat jelas kerana ia sudah dapat mengasas dan mewujudkan bangsa Malaysia, yang merupakan satu elemen penting untuk ke alaf baru.

"Selepas 42 tahun merdeka, kita sudah dapat wujudkan bangsa Malaysia, sebab hari ini orang tidak lagi cakap pasal dia bangsa Melayu, Cina atau India tapi semua orang bercakap pasal kita orang Malaysia. Dia bangga jadi orang Malaysia," katanya.

Mohamed berkata perayaan ulang tahun ke-25 BN ini bukan sahaja perayaan suku abad parti yang telah memerintah negara selama 42 tahun tetapi adalah juga adalah sambutan kepada kejayaan yang dicapai rakyat dan negara dalam pelbagai bidang.

Di bawah pimpinan Dr Mahathir, Malaysia dan rakyatnya kini bukan sahaja dapat menikmati kebebasan politik (political independence) tetapi juga kebebasan ekonomi (economic independence) serta peningkatan taraf sosial (social upliftment) rakyat, sehingga dapat menikmati pembangunan bertaraf dunia.

Walaupun terdedah dengan era globalisasi dunia, rakyat Malaysia masih boleh berbangga dengan nilai-nilai murni yang terdapat di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama, serta hidup rukun damai dan makmur.

Kedatangan alaf baru yang membawa pelbagai cabaran dan rintangan memerlukan generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara bersedia dan mempunyai semangat BN yang kuat, di samping menyesuaikan diri menurut kehendak semasa.

Mohamed berkata: "Setiap parti komponen mesti kuatkan sayap Pemuda dan Wanita masing-masing. Mesti galakkan lebih banyak anak muda untuk menyertai supaya mereka mengenal perjuangan BN."

"Masa depan BN amat bergantung kepada sejauh mana anak-anak muda Malaysia dapat menerima konsep perkongsian kuasa dan terus memakainya," katanya.

Beliau berkata generasi muda sebenarnya bebas berpolitik dan memilih mana-mana parti politik tetapi mereka mestilah bijak berfikir untuk memilih parti yang boleh membawa faedah dan menjamin masa depan mereka dan negara.

Pengerusi Pergerakan Pemuda BN Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, BN merupakan satu kesatuan yang bukan sekadar gabungan parti politik, malah ia sebenarnya satu penyatuan, komitmen dan persefahaman semangat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

"Kerjasama dan permuafakatan ini lahir daripada kesedaran dan keinsafan bahawa sebuah masyarakat majmuk perlu hidup rukun damai dan aman sejahtera."

Hishammuddin yang mewarisi bakat kepimpinan dari bapanya Tun Hussein serta datuknya Datuk Onn Jaafar, yang mengasaskan Umno, berkata, peranan utama generasi pemimpin muda sekarang ialah menggandakan usaha penerapan dan pemahaman yang mendalam mengenai formula politik BN.

Katanya, proses itu perlu dijalankan sepanjang masa dan berterusan supaya generasi muda terus mewarisi konsep permuafakatan BN dan memastikan masa depan negara terus terjamin.

"Formula BN mesti dipertahankan demi mengekalkan perpaduan rakyat dan kemajuan negara, dan jika perlu diperkemas mengikut kesesuaian masa," katanya. -- BERNAMA

AFY HS RS